



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : USUL FIQH
KOD KURSUS : DPI2103
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (20 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Maksud Usul Fiqh ialah
 - a. ilmu yang berkaitan sumber, kaedah, dalil
 - b. ilmu untuk memahami sesuatu hukum atau perkataan
 - c. ilmu yang berkaitan hukum syara' yang difahami daripada dalil tafsili
 - d. ilmu yang berkaitan kaedah mengeluarkan hukum syara' daripada dalil tafsili

2. Faedah mempelajari ilmu Usul Fiqh ialah
 - a. mengetahui punca perselisihan para ulama'
 - b. menghasilkan hukum yang lebih tepat
 - c. mengetahui sebab wurud hadith
 - d. mentarjihkan hukum syara'

3. Ilmu Usul Fiqh merupakan salah satu daripada cabang ilmu pengetahuan Islam. Bilakah ilmu tersebut muncul?
 - a. awal kurun pertama hijrah
 - b. akhir kurun pertama hijrah
 - c. awal kurun kedua hijrah
 - d. akhir kurun kedua hijrah

4. Apakah makna lain bagi perkataan usul?
 - a. hukum
 - b. sumber
 - c. asli
 - d. furu'

5.

“.....mereka akan merujuk kepada pandangan para sahabat sebelum mereka berijtihad”

Pernyataan di atas merujuk kepada

- a. zaman sahabat
 - b. zaman kemunculan ilmu usul fiqh
 - c. zaman tabii'n
 - d. zaman Rasulullah s.a.w
6. Apakah yang dimaksudkan dengan "Dilalah"?
- a. merangkumi hukum taklifi dan hukum wadi'e
 - b. merangkumi kaedah dan istinbat hukum dari nas-nas al-Quran dan al-Sunnah
 - c. merangkumi dalil-dalil yang disepakati dan tidak disepakati
 - d. merangkumi persoalan taklid dan mukallid
7. Berikut merupakan sumber hukum pada zaman sahabat **KECUALI**
- a. ijma'
 - b. ijtihad
 - c. al-Quran
 - d. as-sunnah
8. Hukum syara' terbahagi kepada
- a. taklifi dan wadi'e
 - b. ijab dan tahrir
 - c. karahah dan ibahah
 - d. sebab dan syarat

9.

Pembahagian pusaka tidak diberikan jika tidak terdapat perbezaan agama antara orang yang menawarkan harta dengan ahli waris

Bahagian hukum wadi'e bagi pernyataan di atas ialah

- a. sebab
- b. mani'
- c. syarat
- d. fasad

10. Dalil-dalil syara' terbahagi kepada dua bahagian yang terdiri daripada

- a. dalil yang disepakati dan tidak disepakati
- b. dalil yang disepakati dan tidak diikuti
- c. dalil yang disepakati dan tidak difahami
- d. dalil yang disepakati dan tidak dibantah

11.

".....masalah yang tidak dijelaskan hukumnya dalam nas dengan masalah dengan masalah yang dijelaskan hukumnya dalam nas kerana persamaan l'illah pada kedua masalah tersebut"

Istilah di atas merujuk kepada.....

- a. ijmak
- b. stilah
- c. masalih mursalah
- d. qias

12. Persepakatan yang berlaku secara jelas di kalangan semua mujtahid sama ada yang melalui kata-kata mahupun perbuatan dikatakan sebagai.....

- a. ijma' ahlul bait
- b. ijma' sorih
- c. ijma' sukuti
- d. ijma'ulama'

13.

- I. berlakunya persepakatan dikalangan seluruh mujtahid
- II. keraguan yang mana antara keduanya lebih mirip atau cenderung kepada yang lemah atau tidak kukuh
- III. berat sangka atau sangkaan yang hampir kepada kebenaran namun tidak mencapai tahap keyakinan
- IV. tidak yakin sehingga ada penelitian terhadap bukti.

- a. I dan ii
- b. I, iii dan iv
- c. iii sahaja
- d. I dan iv

14. Yang mana satu rukun-rukun ijma' di bawah adalah benar?

- a. hukum yang disepakati oleh ahli ijma'
- b. ahli ijma' iaitu para ulama' mujtahid
- c. persepakatan dilarang melalui perkataan atau perbuatan
- d. di kalangan ahli ijma' boleh menarik kembali persepakatan

15. Berikut yang manakah contoh sunnah

- a. bersugi sebelum solat
- b. perniagaan berunsurkan riba
- c. berburu binatang selepas bertahalul
- d. melakukan solat fardhu lima waktu


16. Al-Quran merupakan sumber hukum yang

- a. kedua
- b. pertama
- c. keempat
- d. ketiga

17. Dalil-dalil yang disepakati terdiri daripada

- a. al-quran. Istihsan, ijma', qias
- b. al-quran, hadith, ijma', qias
- c. al-quran dan hadith sahaja
- d. al-quran, hadith, ijma' dan istihsan

18.



Sumber perundangan Islam di atas merujuk kepada

- a. tabi'in
- b. sahabat
- c. tabi' tabi'in
- d. rasulullah s.a.w

19.

"Rasulullah s.a.w berdiam diri terhadap perbuatan sahabat memakan daging dhab"

Perlakuan Rasulullah s.a.w di atas menunjukkan....

- a. sunnah fiqriah
- b. sunnah qauliah
- c. sunnah taqriah
- d. sunnah sifatiah

20. Ayat dalam Al-Quran terbahagi kepada dua (2) iaitu
- a. Makiyah dan hijriah
 - b. Madaniah dan hijriah
 - c. Makiyah dan madiniah
 - d. Madaniah dan asliah

[20 Markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan

1. Berikan maksud usul fiqh secara idhafi (berasingan) dengan lengkap.

(4 markah)

2. Sebagaimana yang kita ketahui, kemunculan ilmu usul fiqh adalah melalui beberapa fasa. Ceritakan dengan ringkas tentang fasa-fasa kemunculan ilmu usul fiqh ini beserta dalil.

(4 markah)

3. Disiplin ilmu usul fiqh perlu dibukukan agar ianya terpelihara dari sebarang penyelewengan. Huraikan **TIGA(3)** keperluan mendesak mengapa pengumpulan tersebut harus dilakukan.

(6 markah)

4. Ilmu fiqh, usul fiqh dan qawaid fiqh merupakan pecahan-pecahan ilmu di dalam bidang syariah. Huraikan perbezaan dari segi definisi tentang ketiga-tiga pecahan ilmu tersebut dengan jelas dan terperinci.

(6 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Hukum syariah adalah "Kalam Allah yang berkaitan dengan perbuatan manusia samaada secara tuntutan atau diberi pilihan atau dijadikan". Apakah yang dimaksudkan dengan "Kalam Allah yang berkaitan dengan perbuatan manusia". Nyatakan jawapan anda beserta contoh.

(4 markah)

b. Ijmak merupakan salah satu sumber hukum yang disepakati oleh para ulama'. Ijmak terbahagi kepada dua bahagian iaitu ijmak sorih dan ijmak sukuti. Terangkan **DUA(2)** syarat penerimaan ijmak sukuti.

(4 markah)

c. Nabi Muhammad s.a.w bersabda: "Tiada pewarisan kepada pembunuh". Keluarkan *'illah hukum* yang terdapat di dalam hadis ini bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan harta warisan beserta huraian dengan jelas.

(4 markah)

d. Ahmad merupakan seorang penternak lembu. Suatu hari, Abu datang berjumpa Ahmad untuk menempah seekor lembu untuk ditenak. Ahmad bersetuju untuk menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya kepada Abu setelah ianya lahir. Abu bersetuju dengan perjanjian yang dilakukan bersama Ahmad dan membayar sejumlah wang sebagai tempahan. Berdasarkan keadaan ini, jelaskan:

(i) Hukum jual beli secara tempahan pada barang yang belum ada beserta huraian

(4 markah)

(ii) Hukum jual beli beserta dalil

(4 markah)

SOALAN 2

تِلْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ قَبْلِ هَذَا فَاصْبِرْ إِنَّ
الْعُقُوبَةَ لِلْمُتَّقِينَ

(Surah Hud: 49)

a. Terangkan apakah mukjizat Al-Quran yang terdapat di dalam ayat di atas beserta contoh.

(4 markah)

b. "Salah satu hikmah Nasakh adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia". Tafsirkan perkara ini beserta contoh.

(4 markah)

c. Nyatakan **DUA(2)** contoh tentang perkara yang tergolong di dalam perkara wajib muwassaq (wajib dalam masa yang luas) beserta dalil.

(4 markah)

d. Ahmad ingin mewakafkan rumah beserta perabot miliknya kepada Abu untuk dijadikan sebagai Pusat Pengajian Tahfiz. Berdasarkan situasi ini, jelaskan tentang perkara berikut:

(i) Hukum wakaf dan jenis wakaf

(4 markah)

(ii) Nyatakan **DUA (2)** hujah anda bagi menyokong jawapan diatas

(4 markah)

SOALAN 3

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَلُّوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

(Surah an-Nahl: 43)

- a. Berdasarkan ayat di atas, jelaskan tentang **DUA(2)** keperluan bagi seseorang mukallaf untuk bertaqlid dengan sesebuah mazhab.

(4 markah)

- b. Terangkan **DUA(2)** perbezaan diantara hukum taklifi dan hukum whad'ie dengan terperinci

(4 markah)

- c. Huraikan tentang bahagian hukum yang terdapat di dalam ayat di bawah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنَ أَشْيَاءَ إِنِ بُدِّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ وَإِن تَسْأَلُوا عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ الْقُرْءَانُ تُبَدَّلْ لَكُمْ عَفَا اللَّهُ عَنْهَا وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ

(Surah al-Maidah : 101)

(4 markah)

- d. Muhammad merupakan seorang guru Al-Quran di Masjid Biru, Kuching. Beliau mengenakan yuran pengajian sebanyak RM50 bagi setiap murid yang mengikuti kelas pengajiannya. Berdasarkan perkara ini, jelaskan tentang:

- (i) Hukum mengambil upah mengajar Al-Quran beserta huraian hujah.

(4 markah)

(ii) "Perubahan hukum berdasarkan perubahan zaman dan tempat", Huraikan.

(4 markah)

[60 Markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

